



SELANGOR APPEAL BOARD LAW REPORTS

[Section 36, Town and Country Planning Act 1976 (Act 172)]

Volume 9, Issue 2 [SABLR/9/1/2019, August 2019]

**TETUAN ANTARA TROPIKA SDN. BHD.
ENCIK WONG SOO KAN
TENAGA NASIONAL BERHAD
TETUAN TADIKA BINTANG PERMATA SDN. BHD.**

*Published By State of Selangor
Selangor State Town And Country Planning Department and Selangor Appeal Board
August 2019*





SELANGOR APPEAL BOARD LAW REPORTS

Volume 9, Issue 2 [SABLR/9/1/2019, August 2019]

HIGHLIGHTS

**TETUAN ANTARA TROPIKA SDN. BHD.
ENCIK WONG SOO KAN
TENAGA NASIONAL BERHAD
TETUAN TADIKA BINTANG PERMATA SDN. BHD**

*Published By State of Selangor
Selangor State Town And Country Planning Department and Selangor Appeal Board
August 2019*

MEMBERS OF SELANGOR APPEAL BOARD 2018 - 2020

Chairman

YBhg. Dato' Abu Bakar b. Awang (DSDK, SDK, SMP, BCK)

Deputy Chairman

YBhg. Puan Noraziah bt. Abu Bakar

Members

YBhg. Dato' Azmeer b. Rashid
YBhg. Dato' Hj. Abd. Mutalib b. Jelani
YBhg. Tuan Ho Khong Ming
YBhg. Datin Teh Zawahir bt. Abdul Malek
YBhg. Puan Hjh. Norasiah bt. Yahya
YBhg. Prof. TPr. Dr. Jamalunlaili b. Abdullah
YBhg. Dato' Siti Sarah bt. Sulaiman
YBhg. Dato' TPr. Hj. Mohd Zaki b. Ibrahim
YBhg. Dato' Haji Mohamad Roslan
b. Sakiman
YBhg. Dato' Haji Kamarulzaman b. Jamil
YBhg. Dato' Tpr. Hj Mohd Jaafar
b. Hj Mohd Atan
YBhg. Datuk Gunasilan a/l Ponniah

ISSN 2232-1268

Printed 2019

Editorial

YBhg. Dato' Abu Bakar b. Awang

© All rights reserved. No part of this publication may be reproduce or transmitted in any form or any mean, electronic or mechanical, including photocopy recording or any information storage and retrieval system, without written approval of The Appeal Board of Selangor.

View expressed by contributors are entirely their own and do not necessary reflect those of Selangor Appeal Board.

Registrar

En. Mohamad Faisal b. Jamaludin

Secretaries

En. Yuen Kai Tuck
En. Irsyad Kamil b. Mohd Fahmi Teng

Secretaries

Selangor State Town and Country
Planning Department And Selangor
Appeal Board.

Volume 9, Issue 2 [SABLR/9/1/2019, August 2019]

AWARDS REPORTED

FILE NO	PARTIES
LR SEL.(430) MDSB/01/2017	TETUAN ANTARA TROPIKA SDN. BHD.
LR SEL.(431) MBPJ/02/2017	ENCIK WONG SOO KAN
LR SEL.(438) MDKL/01/2017	TENAGA NASIONAL BERHAD
LR SEL.(440) MPS/02/2017	TETUAN TADIKA BINTANG PERMATA SDN. BHD.

LEMBAGA RAYUAN NEGERI SELANGOR

LR SEL.(430) MDSB/01/2017

Di Antara

ANTARA TROPIKA SDN. BHD. - PERAYU

Dan

MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM - RESPONDEN

PER : PERNOLAKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG UNTUK SERAH BALIK DAN BERIMILIK SEMULA DI BAWAH SEKSYEN 204(B) KANUN TANAH NEGARA UNTUK TUJUAN PEMBANGUNAN PERUMAHAN (RUMAH TERES 1 TINGKAT) DI ATAS LOT 2561, MUKIM BAGAN NAKHODA OMAR, DAERAH SABAK BERNAM, SELANGOR DARUL EHSAN.

Ahli Lembaga Rayuan

Dato' Abu Bakar b. Awang - Pengerusi
Dato' Azmeer bin Rashid - Ahli Panel
Dato' Abd Mutalib bin Jelani - Ahli Panel

PERINTAH

Rayuan ini yang telah ditetapkan untuk Pendengaran hari ini dengan kehadiran Puan Azila bt. Ab. Gapor, En. Badrul Hisham bin Sulaiman, Pegawai Perancang dan En. Mohd Nazam bin Khusaini mewakili pihak Perayu **DAN** En. Roslan bin Amat Zainal, En. Nor Azam bin Mohd Rapiai dan Puan Nur Suhaidi bt Bakri, mewakili pihak Responden **DAN** setelah meneliti Ikatan Dokumen Responden bertarikh 25 Julai 2017 **DAN** Ikatan Dokumen Perayu bertarikh 7 Ogos 2017 dan 11 Ogos 2017 **DAN** Setelah mendengar hujah Perayu dan Responden **ADALAH DI DAPATI BAHAWA** walaupun subjek Lot 2561, Mukim Bagan Nakhoda Omar, Daerah Sabak Bernam, Selangor sesuai untuk dibangunkan dengan perumahan dan selaras dengan Dasar EK15 Rancangan Struktur Negeri Selangor 2020 bahawa Tanah Rezab Melayu yang terletak di lokasi yang strategik perlu dirancang dan dibangunkan sebagai pusat pertumbuhan ekonomi namun kerana zon di mana Lot itu berada belum di zonkan kepada “bangunan” dari “Pertanian” ia belum lagi layak untuk dibangunkan untuk rancangan perumahan seperti di pohon **DAN OLEH YANG DEMIKIAN** permohonan Perayu untuk mendirikan rancangan perumahan belum boleh diluluskan dan rayuan ini hendaklah di tolak TETAPI tidak ada perintah kos **DAN WALAUBAGAIMANA PUN ADALAH DISARANKAN** bahawa pihak Responden perlu memainkan peranan dalam perancangan dan mengenalpasti potensi pembangunan tanah-tanah Rezab Melayu yang berpotensi di daerahnya dalam masa terdekat.

**Bertempat di SHAH ALAM
pada 29hb Ogos 2017**

**Dato' Abu Bakar b. Awang
Pengerusi Lembaga Rayuan
Negeri Selangor**

- Bagi Pihak Perayu* - *Puan Azila bt. Ab. Gapor*
En. Badrul Hisham bin Sulaiman
En. Mohd Nazam bin Khusaini
- Bagi Pihak Responden* - *En. Roslan bin Amat Zainal*
En. Nor Azam bin Mohd Rapiai
Cik Nursuhada binti Bakri
Majlis Daerah Sabak Bernam

LEMBAGA RAYUAN NEGERI SELANGOR

LR SEL.(431) MBPJ/02/2017

Di Antara

ENCIK WONG SOO KAN - PERAYU

Dan

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA - RESPONDEN

PER : BANTAHAN LOT BERJIRAN BAGI PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI MEMBUAT PERUBAHAN MATERIAL DALAM PENGGUNAAN BANGUNAN DARIPADA “BANGUNAN KEDIAMAN” KEPADA “BANGUNAN KEDIAMAN” (PUSAT JAGAAN ORANG TUA SEMENTARA) DI PREMIS NO. 10, JALAN SS 4C/16, KELANA JAYA, PETALING JAYA UNTUK PUAN M. VIJAYA A/P MURUGASU (KANJI RETIREMENT HOME)

Ahli Lembaga Rayuan

Dato' Abu Bakar b. Awang - Pengerusi

PERINTAH

Rayuan ini yang telah ditetapkan untuk **SEBUTAN** hari ini dengan kehadiran En. Wong Soo Kan, Pihak Perayu DAN Puan Ruzaidah bt Tarmudi, Pegawai Undang-undang, En. Zain Azly bin Abd. Rahman, Pegawai Perancang dan En. Ariffaisal bin Ariffin bagi pihak Responden **DAN** setelah meneliti Ikatan Dokumen pihak Responden **DAN** surat pengendali Kanji Retirement Home, bertarikh 14 Jun 2017, Lampiran B kepada Ikatan Bundle Responden bertanda A, adalah di dapati bahawa pengendali Kanji Retirement Home akan memberhentikan aktivitinya, pada hujung bulan Ogos 2017 ini **MAKA** “subject matter” rayuan tidak lagi wujud mulai tarikh itu **DAN OLEH ITU ADALAH DI PERINTAHKAN BAHAWA :**

- 1) Rayuan ini hendaklah di batalkan; dan
- 2) Tiada Perintah Kos.

**Bertempat di SHAH ALAM
pada 24hb. Ogos 2017**

**Dato' Abu Bakar b. Awang
Pengerusi Lembaga Rayuan
Negeri Selangor**

- Bagi Pihak Perayu* - *En. Wong Soo Kan*
- Bagi Pihak Responden* - *Puan Ruzaidah bt Tarmudi*
En. Zain Azly bin Abd. Rahman
En. Ariffaisal bin Ariffin
Majlis Bandaraya Petaling Jaya

LEMBAGA RAYUAN NEGERI SELANGOR

LR SEL.(438) MDKL/01/2017

Di Antara

TENAGA NASIONAL BERHAD - PERAYU

Dan

MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT - RESPONDEN

**PER : RAYUAN KEPADA SYARAT KELULUSAN PERMOHONAN
KEBENARAN MERANCANG UNTUK MEMBINA SEBUAH
“SOLAR FARM” DAN KEMUDAHAN SEBAGAIMANA YANG
DITUNJUKKAN DALAM PELAN YANG DILAMPIRKAN BIL.MDKL/
JPP/PS/15/42/2017 DI ATAS LOT 32888, MUKIM TANJUNG DUA
BELAS, DAERAH KUALA LANGAT**

Ahli Lembaga Rayuan

Dato' Abu Bakar b. Awang - Pengerusi

PERINTAH

Permohonan (1A) ini yang telah ditetapkan untuk Pengurusan Kes / Sebutan hari ini dengan kehadiran En. Ahmad Firdaus bin Razali dan Cik Siti Haleesa binti Mustapha bagi Pihak Tenaga Nasional Berhad, pemohon **DAN** Puan Norhafizah binti Mohd Suhadis dan Puan Sriyanty binti Samsuri mewakili Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor **DAN** Tuan Haji Arpaai bin Sanat dan En. Fauzi bin Din pihak Responden **DAN** setelah mendengar penjelasan dari pihak Responden **ADALAH DIDAPATI BAHAWA** permohonan pemohon tidak mempunyai *locus standi* untuk membuat permohonan ini terhadap Responden kerana pertikaian ini tiada kaitan dengan Responden kerana Responden bukanlah satu pihak dalam pertikaian antara pemohon dan Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor **DAN OLEH YANG DEMIKIAN ADALAH DIPERINTAHKAN BAHAWA :**

- 1) Permohonan Tenaga Nasional Berhad di tolak dan di batalkan; dan
- 2) Tenaga Nasional Berhad hendaklah membayar kos sebanyak RM300 kepada Responden dalam masa 14 hari dari tarikh penerimaan perintah ini.

**Bertempat di SHAH ALAM
pada 27hb. Oktober 2017**

**Dato' Abu Bakar b. Awang
Pengerusi Lembaga Rayuan
Negeri Selangor**

- Bagi Pihak Perayu* - *En. Ahmad Firdaus bin Razali*
Cik Siti Haleesa binti Mustapha
- Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri* - *Puan Norhafizah binti Mohd Suhadis*
Puan Sriyanty binti Samsuri
- Bagi Pihak Responden* - *Tuan Haji Arpaaii bin Sanat*
En. Fauzi bin Din
Majlis Daerah Kuala Langat

LEMBAGA RAYUAN NEGERI SELANGOR

LR SEL.(440) MPS/02/2017

Di Antara

TADIKA BINTANG PERMATA - PERAYU

Dan

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG - RESPONDEN

**PER : RAYUAN DI ATAS KEPUTUSAN KEBENARAN MERANCANG
KEGUNAAN KEDIAMAN KE TADIKA DI ATAS ALAMAT NO. 74,
JALAN WANGSA 1/5, TAMAN WANGSA PERMAI, 52200 KEPONG,
SELANGOR DARUL EHSAN**

Ahli Lembaga Rayuan

Dato' Abu Bakar b. Awang - Pengerusi
Puan Hjh Noraisah Bt Yahya - Ahli Panel
Tuan Ho Khong Ming - Ahli Panel

PERINTAH

Perbicaraan permohonan Pihak Perayu (Bil 6) terhadap syarat 2:1:36 Kebenaran Merancang pihak Responden Borang C1, bertarikh 5 Jun 2017, dan Permohonan Pindaan (Bil.9A) mengenai perkara yang sama dan juga untuk suatu perintah 'stay of execution' terhadap perintah pihak Responden yang sama sehingga Lembaga Rayuan membuat satu perintah selainnya **DENGAN** kehadiran Cik Tan Peik Chin, Pn Gurdev Kaur dan En Loke Yeang Fatt bagi pihak Perayu DAN En. Saiful Azmi bin Samad, En. Mohd Mustain bin Mohad Zainal dan Cik Nurul Syazwani bt Sabaruddin bagi pihak Responden **DAN** setelah meneliti ikatan dokumen Perayu (Bil 6A), (Bil 9A) dan (Bil 11) dan Dokumen Responden membantah (Bil 10A) dan Hujjahan Bertulis Responden (Bil 13A) adalah di dapati bahawa permohonan pihak Perayu adalah pra matang (pre mature) kerana pada tarikh Perayu memfailkan permohonannya, ianya tidak di sokong dengan perolakkan Borang C2 dari pihak Responden **DAN** bantahan pihak Responden pula adalah salah procedur kerana Responden sendiri telah tidak membuat sebarang keputusan melalui Borang C2 samada Responden bersetuju atau tidak dengan permohonan Perayu untuk tidak berpindah dan kekal beroperasi di premis No. 74 tersebut. Oleh yang demikian kerana permohonan pihak Perayu adalah pra matang dan Bantahan pihak Responden salah procedur **MAKA ADALAH DI PERINTAHKAN BAHAWA :**

- 1) Permohonan pihak Perayu untuk tidak berpindah dan meneruskan Tadikanya di premis No. 74 tersebut setelah 14 Nov 2017 hendaklah di pertimbangkan semula oleh pihak Responden atas meritnya setelah melihat sendiri operasi Tadika ini pada 14 November 2017;

- 2) Satu perintah 'stay of execution' di benarkan kepada pihak Perayu sehingga Responden membuat keputusannya; dan
- 3) Oleh kerana aktiviti Tadika ini adalah satu aktiviti kemasyarakatan yang mana Responden sendiri patut adakan tetapi tidak dapat mengadakan malah ada pula pihak swasta yang bersedia mengadakan dengan perbelanjaan yang besar yang menghampiri RM500,00.00 MAKA ADALAH DI SARANKAN bahawa Responden melanjutkan Kebenaran Merancang ini bagi satu tempoh yang pratikal seperti 3 tahun; dan
- 4) Tidak ada perintah kos ke atas mana-mana pihak kerana permohonan ini.

**Bertempat di SHAH ALAM
pada 8hb. Mac 2017**

**Dato' Abu Bakar b. Awang
Pengerusi Lembaga Rayuan
Negeri Selangor**

- Bagi Pihak Perayu* - *Cik Tan Peik Chin*
Pn Gurdev Kaur
En Loke Yeang Fatt
- Bagi Pihak Responden* - *En. Saiful Azmi bin Samad*
En. Mohd Mustain bin Mohad Zainal
Cik Nurul Syazwani bt Sabaruddin
Majlis Perbandaran Selayang

Pejabat Pendaftar
Lembaga Rayuan Negeri Selangor
d/a Jabatan Perancangan Bandar & Desa Negeri Selangor
Tingkat 18, Bangunan Darul Ehsan
No. 3 Jalan Indah, Seksyen 14,
40646 Shah Alam,
Selangor

Tel: 03-5511 6666 | Faks: 03-5511 3557